



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	17/5/2011

**UCAPAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI NAJIB RAZAK BERTAJUK, 'KESEDERHANAAN DAN PERSEFAHAMAN ANTARA TAMADUN' DI PUSAT ISLAM OXFORD, LONDON SEMALAM**

# Islam tak pernah anjur keganasan

## Sikap sederhana, berkasih sayang mampu wujud keamanan

**B**ismillahirrahmannirrahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Selamat petang tuan-tuan dan Puan-puan sekalian!

Terlebih dulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia, Jack Straw atas ucapan pengenalan beliau yang begitu indah; Dr Farhan Nizami, seorang cendekiawan terkemuka yang telah saya kenali sejak sekian lama; dan semua wakil daripada dunia akademik, perniagaan dan diplomatik yang hadir di sini hari ini.

Saya amat berbesar hari kerana dapat bersama-sama anda sekalian sebagai tetamu Universiti Oxford di mana, pada awal tengah hari tadi, saya telah berpeluang mengadakan perjumpaan dengan beberapa penuntut muda yang berbakat besar dan melawat bangunan OCIS, suatu persekitaran yang sungguh memandaimkan, hasil daripada percantuman tradisi Islam dan Melayu dengan warisan Oxford yang begitu kaya dengan kehebatannya.

Saya berasa amat bertuah kerana berpeluang untuk berada di Sheldonian Theatre, dewan yang telah menjadi pentas ucapan tokoh-tokoh terkemuka sejak lama dulu. Setiap tahun, berpuluh rakyat Malaysia datang ke Oxford untuk melanjutkan pelajaran, menjadikan Kelab Malaysia Universiti Oxford sebagai kampung halaman mereka ketika berada di perantaraan. Basiswa Khazanah-OCIS Merdeka, yang diwujudkan pada 2006 sempena ulang tahun ke-50 kemerdekaan Malaysia, menjadi pemangkin kepada pertambahan jumlah pelajar Malaysia yang datang ke sini. Hasil daripada kerjasama antara Suruhanjaya Seku-

*"Saya ingin menegaskan bahawa mereka yang memasang bahan letupan pada tubuh masing-masing dan meletupkan diri mereka, bukan tergolong sebagai syuhada. Mereka tidak mewakili ajaran Islam. Tanpa mereka sedari, mereka sebenarnya sesat dan melakukan dosa yang amat besar"*

riti Malaysia dan OCIS untuk mengadakan kajian tentang isu baru yang muncul dalam bidang kewangan Islam, hubungan antara negara kita, Insya-Allah, akan menjadi bertambah kukuh.


Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Kepelbagaian, dialog dan perkongsian hidup secara aman merupakan tema penting dalam Islam. Dalam kitab suci al-Quran, Allah SWT berfirman bahawa Dia mencipta manusia daripada pelbagai kaum dan keturunan sebagai suatu rahmat agar mereka boleh berkenal-kenalan dan memanfaatkan kepelbagaian yang wujud dalam kalangan mereka. Oleh itu, sejak bilakah Islam sinonim dengan keganasan? Kenapakah mereka yang menganjurkan kebencian dan tindakan melampau sanggup mencemarkan Islam, agama yang menganjurkan keamanan dan kasih sayang? Adakah tindakan melampau oleh segelintir umat Islam ini boleh dianggap mencerminkan ajaran Islam yang

sebenar dan perangai penganutnya? Tafsiran yang amat salah ini sungguh mendukacitakan saya dan seluruh umat Islam.

Mungkin empat pemuda yang menuju ke selatan Yorkshire pada suatu pagi Julai berpendapat bahawa dengan membawa bom buatan sendiri dalam beg galas masing-masing, mereka membuktikan bahawa mereka adalah "umat Islam sejati". Mungkin mereka berfikir bahawa dengan meletupkan diri masing-masing, mereka bertindak seperti yang diperintahkan oleh Allah atau mematuhi ajaran al-Quran? Mereka tersilap besar.

Saya ingin menegaskan bahawa mereka yang memasang bahan letupan pada tubuh masing-masing dan meletupkan diri mereka, bukan tergolong sebagai syuhada. Mereka tidak mewakili ajaran Islam. Tanpa mereka sedari, mereka sebenarnya sesat dan melakukan dosa yang amat besar. Begitu juga halnya, semua mereka yang menganjurkan kebencian dan menyalaikan api permusuhan yang mem-



bawa kepada tindakan kufur itu, turut berdosa seperti pihak yang menganjurkan kejahatan tersebut juga. Kita bersimpati dengan mangsa mereka yang terdiri daripada golongan tidak bersalah, orang awam yang menjalani kehidupan seharian masing-masing. Islam tidak pernah menghalalkan tindakan jahat sedemikian. Ia juga bukan sebahagian daripada ajaran Islam.

Malah, Islam mencegah perbuatan membunuh diri; seperti yang disebut dengan jelas dalam kitab suci al-Quran, Surah 2 Ayat 195, bermaksud: *"Janganlah sekali-kali kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan"*. Ini menunjukkan bahawa tindakan membunuh diri dilarang sama sekali dalam sebarang keadaan. Dalam Islam, nyawa adalah sesuatu yang diamanahkan oleh Allah Subhanahuwataala dan nasib seseorang manusia itu hanya ditentukan oleh-Nya.